

## **Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, 2013: Perbezaan Rukun dan Syarat bagi Mensabitkan Kesalahan-Kesalahan yang dikategorikan sebagai Jenayah Hudud dan Hukumannya menurut PKHJS, 2013.**

### ***Syariah Penal Code Order 2013; Pillars of Hudud Offences and its Conditions: A Comparative Analysis***

Dayangku Fatimah Binti Pengiran Haji Sulaiman<sup>1</sup>, Dr Nurzakiah Binti Haji Ramlee<sup>2</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
22 DIS 2020	22 APRIL 2021	24 MEI 2021

#### **ABSTRAK**

*Hukuman Hudud merupakan hukuman yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu Zina, Qadzaf, Minum Arak, Sariqah, Rompak, Murtad dan Bughat. Perintah Hukum Kanun Jenayah Syari'ah ini telah menimbulkan pelbagai persepsi negatif dan positif di dalam kalangan masyarakat awam. Perintah Hukum Kanun Jenayah Syari'ah, 2013 diisytiharkan pada 22 Oktober 2013 dan dikuatkuasakan pada 1 Mei 2014. Dengan pengisytiharan tersebut mulalah rakyat Brunei mempunyai persepsi masing-masing. Kertas kerja ini membincangkan elemen asas yang terdiri daripada rukun dan syarat yang perlu dipenuhi bagi mensabitkan kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah Hudud dan seterusnya hukumannya menurut Perintah Hukuman Jenayah Syari'ah, 2013. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif, di samping menggunakan teknik analisa dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal, kertas kerja dan artikel.*

**Kata kunci:** Rukun, Syarat, Brunei, Hukum, Hudud.

#### **ABSTRACT**

*Hudud punishment is a punishment prescribed by Allah Subhanahu Wata'ala, namely Zina, Qadzaf, Drinking Alcohol, Sariqah, Robbery, Apostasy and Bughat. This Shariah Criminal Code Order has given rise to various negative and positive perceptions among the public. The Syariah Criminal Code Law Order, 2013 was declared on 22 October 2013 and came into force on 1 May 2014. With the declaration, the people of Brunei began to have their own perceptions. This paper discusses the basic elements consisting of the pillars and terms that must be met to convict offenses categorized as Hudud crimes and subsequently its punishment according to the Shari'ah Criminal Punishment Order, 2013. The research methodology used is qualitative research, in addition to using techniques analysis by examining secondary data information especially writings, journals, papers and articles.*

**Keywords:** Pillars, Terms, Brunei, Law, Hudud.

<sup>1</sup> Dk Fatimah binti Pg Hj Sulaiman. Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam. dkfphs23@gmail.com

<sup>2</sup> Dr Nurzakiah binti Hj Ramlee. Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam. Nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn

## Pengenalan

Hudud tidak asing lagi daripada pengetahuan masyarakat dan telah lama menjadi bahan perbincangan dikalangan berbagai pihak, sama ada dikalangan umat Islam atau yang juga melibatkan orang-orang bukan Islam, tetapi tidak semua yang mendengarnya benar-benar memahami dan mengetahui akan Hudud ini.

Sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang itu tidak dapat dijatuhkan hukuman ke atasnya tanpa bukti yang kukuh. Setiap hukuman yang hendak dijalankan terhadap sesuatu kesalahan perlulah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, Jika tidak lengkap salah satu daripada syarat yang telah ditetapkan, maka hukum Hudud akan jatuh kepada hukuman Ta'zir. Sistem hukum Hudud dapat memberikan gambaran positif terhadap orang-orang yang menganut agama lain tentang agama Islam. Ini kerana pelaksanaan sistem ini amat memerlukan ketepatan bukti, adil dalam meletakkan keputusan, tegas dalam melaksanakan hukuman dan mempunyai rasa belas terhadap pesalah yang tidak memenuhi syarat *hadd*.

Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, 2013 ini memperuntukkan hukuman-hukuman *Hudud*, *Qisas*, *Diyat*, *Arsh* dan *Ta'zir* bagi kesalahan-kesalahan *Sariqah* (mencuri), *Hirabah* (rompakan), *Zina*, *Qadzaf* (tuduhan palsu bagi zina), minum minuman yang memabukkan (Syurb Al-Khamr), *Irtidad* (murtad), *Qatl* (pembunuhan) dan *Jurh* (cedera) dalam usaha untuk menyedarkan orang ramai mengenai dengan peruntukan-peruntukan perintah ini yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Aziz Juned (2013).

Diantara objektif undang-undang jenayah syariah juga adalah untuk menghalang penjenayah, melindungi hak-hak kepentingan rakyat dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat yang meliputi lima perkara, iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal fikiran, menjaga keturunan dan menjaga harta benda.

## 1. Kajian Literatur

Terdapat beberapa penulisan dan kajian ilmiah yang telah dihasilkan oleh beberapa penulis dalam bentuk buku, jurnal, penulisan tesis dan sebagainya. Melalui penelitian pengkaji menemui terdapat kajian yang hampir sama dengan kajian yang hendak dikaji oleh pengkaji iaitu seperti berikut:

Dalam karya Adzib Isa (2015) dan Paizah Ismail (2008) membincangkan mengenai teori secara komprehensif tentang hukum Hudud yang meliputi definisi, rukun, syarat dan hukumannya dari sudut pandangan syarak.

Di dalam kajian Dr. Azarudin Bin Awang, PM Dr. Azman Che Mat, Siti Nurfaeiz Ramli, (t.t), di dalam *Kajian Terhadap Persepsi Kakitangan Hospital Hulu Terengganu Terhadap Perlaksanaan Hukum Hudud* dan Munirah Hamzah dan Hussin Salomon, (2012), *Persepsi Penghuni Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatul Sakinah Terhadap Perlaksanaan Hukum Hudud Ke atas Pesalah Laku Zina*, Malaysia menjelaskan mengenai persepsi kakitangan Hospital dan membincangkan tahap responden kefahaman terhadap hukum Hudud.

Di dalam jurnal ilmiah Syed Mohd Azmi, (2008) yang bertajuk *Pandangan Masyarakat Islam Terengganu Terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariat (Hudud dan Qisas)* mengkaji mengenai padangan masyarakat islam Terengganu terhadap Enakmen kesalahan jenayah syariat dan khusus mengenai tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat terhadap

perlaksanaan hukum hudud serta mencadangkan agar pendidikan tentang undang-undang Islam wajar diberi fokus agar masyarakat lebih memahami dengan lebih mendalam, manakala dalam kajian Dr Muhammad Fathi Yusof & Dr Nazri Mansur, (t.t), yang bertajuk *Perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Di Kelantan dan Brunei*, Malaysia menjelaskan perkembangan semasa pelaksanaan undang-undang Islam di Brunei dan Kelantan.

## 2. Metodologi, Dapatan dan Analisis.

### 2.1 Metodologi

Kajian ini menggunakan Kaedah Kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana dengan menggunakan ini akan dapat membincangkan elemen asas yang terdiri daripada rukun dan syarat yang perlu dipenuhi bagi mensabitkan kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah Hudud dan seterusnya hukumannya menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah, 2013.

### 2.2 Kajian Perpustakaan

Kertas kerja ini menggunakan teknik analisa dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal, kertas kerja dan artikel bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu dan juga data yang relevan bagi menyokong kajian tersebut. Data-data ini juga diperolehi melalui laporan buku-buku rujukan dan penyelidikan, makalah dan juga tesis-tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara tempat yang menjadi rujukan pengkaji ialah Perpustakaan UNISSA, Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri.

## 3. Dapatan Kajian

Jenayah Hudud terbahagi kepada 7 bahagian. Seperti Jenayah Zina, *Qadzaf*, Mencuri (*Sariqah*), Merompak, Murtad, *Bughat* dan *Syurb Al-Khamr*.

### 3.1 Jenayah Zina

#### 3.1.1 Pengertian Zina

Menurut Mazhab Maliki iaitu persetubuhan secara sengaja yang dilakukan oleh mukallaf terhadap kemaluan manusia. Menurut Mazhab Hanafi, persetubuhan yang dilakukan oleh lelaki terhadap kemaluan perempuan tanpa ragu-ragu tidak dimiliki olehnya manakala menurut Mazhab Syafi'e, perbuatan memasukkan zakar ke dalam faraj yang secara sendirinya, haram tanpa ragu-ragu ia bukan miliknya dan secara tabi'inya diingini dan menurut Mazhab Hanbali pula, *Zina* ialah perbuatan jahat pada faraj atau dubur. Pengertian *Zina* menurut Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, 2013 dalam bab 68 (1) iaitu seseorang lelaki dan perempuan itu dengan sengaja telah melakukan persetubuhan tanpa pernikahan yang sah antara mereka atau persetubuhan itu bukan persetubuhan syubhah.

#### 3.2 Rukun dan syarat *Zina*

Pertama, persetubuhan yang diharamkan dan kedua, senghaja di dalam perbuatan *Zina*. Saad Abd Rahman (1993)

### 3.3 Hukuman Zina

Penzina yang belum pernah berkahwin sama ada lelaki atau perempuan ke atas penzina terbahagi kepada dua iaitu Pertama, sebat 100 kali sebatan dan Kedua, buang daerah manakala bagi yang telah berkahwin adalah rejam sampai mati maksudnya ialah dikenakan hukuman mati dalam bentuk dilemparkan dengan batu. Paizah Ismail (2008). Manakala Hukuman *Zina* Menurut Hukum Kanun Jenayah Syariah, 2013 dalam bab 69 (1) apabila orang Islam yang melakukan *Zina* dan dibuktikan sama ada dengan ikrar tertuduh atau dengan syahadah iaitu sekurang-kurangnya empat orang syahid menurut Hukum Syara' maka jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman *hadd* seperti jika dia muhsan, direjam sehingga mati dan jika dia ghairu muhsan, disebat 100 kali sebatan dan dihukum penjara selama tempoh satu tahun atau apabila dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan dibawah ceraian (1) jika dia muhsan, disebat tidak melebihi 30 sebatan dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun; atau jika dia ghairu muhsan, disebat tidak melebihi 15 sebatan dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan jika orang bukan Islam yang melakukan *Zina* dengan seorang Islam dan dibuktikan sama ada dengan ikrar tertuduh, atau dengan syahadah sekurang-kurangnya empat orang syahid menurut Hukum Syara' suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama.

### 3.4 Jenayah Qadzaf

#### 3.4.1 Pengertian Qadzaf

Dalam Bahasa arab, Qadzaf bererti lontar. Ia juga digunakan bagi pengertian-pengertian lain yang sama konsepnya. Antaranya ialah "tuduh". Menurut istilah dalam hukum jenayah Islam Qadzaf sebenarnya terbahagi kepada dua: Pertama, bersifat jenayah Hudud, iaitu tuduhan berzina atau penafian nasab (menuduh sebagai anak zina) Kedua, tidak bersifat jenayah Hudud tetapi bersifat jenayah Ta'zir iaitu tuduhan yang menjatuhkan maruah dan sebagainya atau melemparkan tuduhan zina kepada seseorang secara terang-terangan atau dengan cara menafikan nasab seseorang dari bapanya, Paizah Ismail (2008). Manakala pengertian Zina menurut PKHJS 2013, menuduh berzina seorang Islam yang aqil baligh padahal dia itu dikenali sebagai seorang yang bersih daripada perbuatan Zina tanpa dibuktikan oleh empat orang saksi.

#### 3.4.2 Syarat dan Rukun Qadzaf

Orang yang menuduh: Hendaklah seorang yang berakal, baligh, dengan kemahuannya sendiri, mengetahui haramnya hukum Qadzaf dan bukan ibu bapa atau datuk kepada orang yang dituduh. Manakala orang yang dituduh pula hendaklah seorang yang Islam, berakal, baligh, merdeka, diketahui sentiasa menjaga dirinya daripada sebarang perkara keji, Rosli Mokhtar & Mohd Fikri (2008) manakala menurut PKHJS 2013, syarat Qadzaf ialah hendaklah seorang yang mukallaf dan seorang muhsan. Aziz Juned (2013)

#### 3.4.3 Hukuman jenayah Qadzaf

Si penuduh akan dijatuhi hukuman sebanyak 80 kali sebatan yang menuduh tanpa saksi dan akan ditolak daripada memberikan sebarang penyaksian bagi setiap kes yang melibatkannya dalam bidang perundangan. Malahan tidak akan diterima sampai bila-bila, Rosli Mokhtar & Mohd Fikri (2008) Menurut Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, 2013, Dalam bab 98 (1) Mana-mana orang yang melakukan Qadzaf dan dibuktikan sama ada dengan ikrarnya atau dengan syahadah sekurang-kurangnya dua orang syahid, menurut hukum akan dikenakan

hukuman hadd dengan disebat 80 kali sebatan dan mana-mana orang yang telah melakukan Qadzaf di dalam Mahkamah dan gagal membuktikan Qadzafnya adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman hadd dengan disebat 80 kali sebatan. Mana-mana orang yang melakukan Qadzaf tetapi tidak memenuhi syarat, jika sabit kesalahan akan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukum tersebut.

### 3.5 Syurb Al-Khamr

Di dalam istilah fuqaha, jenayah minum arak ialah disebut sebagai Jarimah Syurb al-Khamr. Dua perkataan penting iaitu syurb al-khamr dan keduanya bererti minum arak. Menurut *Maliki, Shafi'i dan Ahmad serta ulama' kepada mazhab masing-masing*, perkataan minum itu bermaksud minum cecair yang memabukkan sama ada ia dinamakan dengan khamr atau tamar, anggur kering, gandum, barli, dan padi. Sama ada ia memabukkan dengan kadarnya yang sedikit atau dengan kadarnya yang banyak, menurut *Abu Hanifah*, maksud minum ialah minum arak khamr semata-mata, sama ada kadar yang diminum itu sedikit ataupun banyak. Sebagai kesimpulannya dapatlah kita katakan bahawa ungkapan shrub iaitu minum itu mempunyai dua pengertian: *ulama Mazhab Hanafi* mengatakan bermaksud shrub al-khamr (iaitu minum arak khamr) tetapi ulama daripada mazhab-mazhab lain mengatakan ia bermaksud minum arak secara umumnya iaitu meminum minuman yang memabukkan sama ada ia dinamakan khamr ataupun lainnya, Saad Abd Rahman (1993).

Menurut PKHJS 2013, jenayah Syurb Al-Khamr ialah Meminum arak atau minuman yang memabukkan dalam bab 104 (1) orang Islam yang meminum arak dikenakan hukuman *hadd* dengan disebat 40 sebatan bagi kesalahan pertama, di sebat 80 sebatan bagi kesalahan kedua serta dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun bagi kesalahan ketiga dan berikutnya atau jika menggunakan arak atau sebarang minuman yang memabukkan dikenakan denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### 3.5.1 Syarat dan Rukun Syurb Al-Khamr

Hendaklah seorang yang baligh, berakal, meminum secara suka rela meminum setelah mengetahui pengharaman oleh ajaran Islam, mengetahui apa yang di minum itu memabukkan dan meminum arak dalam keadaan rela dan bukan bukan disebabkan terpaksa. Rosli Mokhtar & Mohd Fakhri (2008)

#### 3.5.2 Hukuman jenayah Syurb Al-Khamr

Kadar hukuman bagi peminum arak atau segala macam minuman yang memabukkan menurut *Mazhab syafi'e dan Zahiri* ialah hanya perlu merotan 40 kali sebatan sahaja. *Mazhab Hanafi* mengatakan 80 kali sebatan, *Mazhab Maliki dan Hanbali* jua mengatakan 80 kali sebatan. Manakala menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 menurut pendapat Imam Syafi'e ialah sebanyak 40 kali sebatan. Aziz Juned (2013)

### 3.6 Sariqah

Mencuri pada Bahasa bermaksud mengambil sesuatu dengan cara bersembunyi. Menurut istilah syarak ialah mengambil harta kepunyaan orang lain secara sembunyi daripada tempat simpanannya dengan tiada sebarang kebenaran atau keizinan daripada pemiliknya. Rosli Mokhtar & Mohd Fikri (2008)

Menurut *sebahagian ulama mazhab Hanafi*, curi ialah pengambilan harta yang cukup nisab pembalasan potong oleh orang yang sudah baligh dan sempurna akal. Harta itu bukan dari jenis yang cepat menerima kerosakan, dimiliki oleh orang lain, diambil secara diam-diam daripada tempat simpanannya tanpa syubhah. *Ulama mazhab Maliki*, pengambilan harta orang lain secara diam-diam tanpa ia diamanatkan kepadanya. *Ulama mazhab Syafi'e*, pengambilan harta secara diam-diam dan zalim daripada tempat simpanan sepertinya dengan terikat kepada beberapa syarat. *Ulama Mazhab Hanbali*, pengambilan harta secara diam-diam dan sembunyi. Saad Abd Rahman (1993)

Menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 "*hirz*" bermakna penjagaan terhadap sesuatu harta menurut kesesuaiannya berdasarkan kepada Hukum Syara' dan "*Sariqah*" bermakna suatu perbuatan memindah dengan cara sembunyi-sembunyi harta alih daripada *hirz* atau milikan tuan punyanya tanpa persetujuannya dan perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak melucuthakkan harta itu daripada *hirz* atau milikan tuan punyanya.

#### 3.6.1 Syarat dan Rukun Sariqah

Pengambilan barang secara sembunyi iaitu tanpa keizinan, diambil secara sempurna. Syarat barang yang dicuri, mempunyai nilai dan dikira barang berharga mengikut keadaan semasa, harta tersebut di bawah jagaan pemiliknya, mestilah mencukupi jumlah tertentu yang dipanggil nisab iaitu  $\frac{1}{4}$  dinar emas, mestilah bukan milik pencuri, mestilah barangan yang berharga dalam pemilikan dan diiktiraf sebagai harta peribadi.

Syarat berkaitan pencuri, pencuri yang baligh dan berakal, bertujuan mencuri harta dengan senghaja, barang yang dicuri kepunyaan orang lain bertujuan untuk dimiliki sebagai barangan peribadinya, dilakukan dengan rela hati dan pencuri bukanlah orang dibenarkan untuk memasuki tempat barang yang disimpan. Rosli Mokhtar & Mohd Fikri (2008). Rukun-rukunnya ialah pengambilan harta secara diam-diam, harta yang diambil itu adalah harta benda, harta benda yang menjadi milik orang lain dan ada niat melakukan jenayah. Saad Abd Rahman (1993)

#### 3.6.2 Hukuman Jenayah Sariqah

Setelah seseorang pesalah itu disabitkan melakukan jenayah curi dan telah memenuhi syarat-syarat yang dibincangkan maka dua perkara mesti ditetapkan terhadap dirinya iaitu mengembalikan barang yang dicuri kepada pemiliknya yang sah dan dikenakan hukuman potong tangan pada pergelangan tangan. Menurut Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, 2013 orang yang melakukan *Sariqah*, yang jumlah nilai harta sampai atau melebihi nisab dan *Sariqah* bagi kesalahan pertama, dipotong pada sendi pergelangan tangan kanannya, bagi kesalahan kedua, dipotong kaki kirinya sehingga ke buku lali dan bagi kesalahan ketiga ketiga atau berikutnya, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi 15 tahun.

### 3.7 Rompak

Pengertian Hirabah menurut PKHJS 2013, “*hirabah*” bermakna suatu perbuatan merampas harta orang lain dengan kekerasan atau ugutan hendaklah menggunakan kekerasan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang bersenjata apa-apa jenis senjata atau alat yang boleh digunakan sebagai senjata (PKHJS 2013: Ms 1572) Menurut ulama Mazhab Syafi'e, jenayah rompak itu sebagai tindakan keluar (oleh seseorang atau sekumpulan orang) untuk merampas harta, membunuh atau menakut-nakutkan orang dengan kekuatan atau kekerasan disuatu tempat yang tidak mungkin mangsanya mendapatkan pertolongan. Maksud membunuh di dalam pengertian ini ialah tindakan membunuh yang bertujuan untuk merampas harta benda atau menakutkan perasaan orang ramai di jalan-jalan raya.

Menurut Mazhab Maliki, rompakan itu sebagai tindakan mengeluarkan senjata serta menakutkan orang di jalan-jalan diluar kawasan berpenduduk atau didalamnya, sama ada dengan tujuan merampas harta benda orang atau tanpa tujuan tersebut. Begitu juga beliau menyebut, rompakan itu biasanya berlaku diluar kawasan berpenduduk, tetapi apabila kuasa pemerintah menjadi lemah dan kekuatan pencuri bertambah kuat maka ia mungkin berlaku di dalam kawasan berpenduduk. Mazhab Hanbali kebanyakan ulamanya berpendapat bahawa rompakan hanya berlaku di tempat yang tidak mungkin mangsanya mendapatkan pertolongan. merompak harta orang lain dengan kekerasan atau ugutan oleh seseorang atau kumpulan bersenjata atau dengan apa jua alat yang boleh digunakan sebagai senjata. Aziz Juned (2013)

#### 3.7.1 Syarat dan Rukun Rompak

Hendaklah merompak secara terang-terangan dan menggunakan paksaan serta kekerasan semasa mengambil harta tersebut, menggunakan senjata, dilakukan di luar bandar atau luar kawasan kediaman. Seorang yang berakal, pesalah dapat ditangkap sebelum mereka bertaubat dan meninggalkan amalan merompak dan menyamun dan tujuan mereka hendak melakukan rampasan harta benda orang lain serta pencerobohan bagi tujuan merompak. Rosli Mokhtar & Mohd Fikri (2008).

#### 3.7.2 Hukuman jenayah Rompak

Asal pembalasan di dalam jenayah ini ialah firman Allah Subhanahu Wata'ala:

*Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan dimuka bumi, ialah dengan dibunuh balas (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan berselang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum).*

(surah al-Maidah ayat 5:33)

Manakala pengertian rompak menurut PKHJS 2013, dihukum bunuh, disalib dan hukum potong pergelangan tangan kanan dan kaki kiri setakat buku lali.

### 3.8 Irtidad atau Riddah

Menurut PKHJS 2013, Irtidad atau riddah meliputi apa-apa jua perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang diucapkan dengan apa jua cara oleh seorang Islam yang mukallaf. Perbuatan

atau perkataannya itu mengikut hukum syara' adalah menyalahi atau bertentangan dengan aqidah islamiyah dengan syarat perbuatan itu dilakukan atau perkataan itu diucapkan hendaklah dengan niat dan dengan rela hati sendiri tanpa sebarang paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan. Perbuatan atau perkataan yang menyalahi dan bertentangan dengan akidah islamiyah itu banyak. Secara umumnya dapatlah disebut sebagai apa-apa jua yang sabit atau berkenaan dengan perkara-perkaraa asas yang mesti diketahui dan dipercayai oleh tiap-tiap orang Islam, rukun iman dan lain-lain secara umum, perkara-perkara yang sudah diketahui dan dimaklumi oleh orang-orang Islam. Aziz Juned (2013)

Riddah dari segi bahasa ialah kembali. Dari segi syarak ialah keluar dari Islam. Yang dimaksudkan murtad dengan perbuatan adalah melakukan perbuatan yang haram dengan menganggapnya tidak haram atau meninggalkan perbuatkan wajib dengan menganggapnya sebagai perbuatan yang tidak wajib, baik dengan sengaja atau maupun dengan menyepelkannya. Murtad dengan ucapan adalah ucapan yang menunjukkan kekafiran seperti menyatakan bahawa Allah punya anak dengan anggapan bahawa ucapan tersebut tidak dilarang. Adapun murtad dengan i'tikad adalah i'tikad yang tidak sesuai dengan i'tikad Islam seperti beriktikad Allah itu sama dengan makhluk. Djazuli (1996)

### 3.8.1 Syarat dan Rukun Irtidad

Murtad melalui perkataan, perbuatan dan kepercayaan. Murtad melalui perkataan, ucapan dan percakapan, melalui perbuatan iaitu melakukan apa-apa perbuatan atau sebarang tingkah laku yang boleh membatalkan imannya dan melalui kepercayaan iaitu akidah atau niat akan berlaku apabila seseorang itu mengingkari dalam hatinya mengenai kebenaran ajaran Islam. Rosli Mokhtar & Mohd Fikri (2008)

### 3.8.2 Hukuman jenayah Irtidad

Menurut Mazhab Syafi'e, Maliki, Hanbali, Zahiri, Syiah Ja'fari, hukumannya adalah hukuman mati. Sekiranya tidak mahu bertaubat. Menurut Mazhab Hanafi, kaum wanita yang murtad tidak boleh dihukum bunuh bahkan hanya ditahan atau dipenjarakan sehingga ia bertaubat atau sehingga ia meninggal dunia.

Manakala menurut PKHJS 2013, Proses pelaksanaan, mahkamah akan memerintahkan supaya pesalah ditahan bagi tempoh tertentu untuk diberikan pendedahan agama sebagai pendidikan sehingga bertaubat. Jika pesalah bertaubat dengan serta-merta, maka mahkamah setelah mengesahkan taubatnya, akan membebaskan pesalah atau pesalah pada bila-bila masa ketika di dalam tahanan telah bertaubat, kemudian akan dilaporkan kepada mahkamah, kemudian mahkamah akan memanggil pesalah, dan apabila mahkamah mengesahkan taubatnya, maka pihak mahkamah akan membuat perintah untuk membebaskannya. Sekiranya pesalah enggan bertaubat atau masih kekal dengan pendiriannya memilih irtidad atau riddah, sedang mahkamah pula berpuas hati bahawa tiada lagi harapan bagi pesalah ini untuk bertaubat, maka hukuman mati pun dilaksanakan.

### 3.9 Bughat

Dari segi Bahasa arab, al-Baghyu. Bermakna pemberontakan terhadap pihak pemerintah. Menurut mazhab Hanafi, al baghyu adalah pemberontakan terhadap pihak kerajaan dengan cara tidak sebenar. Jika dilakukan dengan sebenar maka perbuatan tersebut bukan al baghyu. Yang dimaksudkan dengan sebenar ialah pemberintakan terhadap pemerintah yang jelas kafir atau terkeluar dari agam Islam. Menurut mazhab Hanbali, mereka yang tidak taatkan pihak

pemerintah dan mengambil tingkah menggulingkannya. Mereka ini ada mempunyai hujah syarak dalam melakukan perkara itu, mereka juga mempunyai kekuatan seperti mempunyai senjata atau tentera dalam pemberontakan tersebut.

Mazhab Syafi'e, pemberontakan yang dilakukan oleh orang Islam dengan meninggalkan ketaatan kepada pihak pemerintah atau menahan sesuatu hak pemerintah dari sampai kepadanya. Pemberontakan ini berlaku apabila wujudnya kekuatan pada pihak pemberontak beserta wujudnya pemimpinnya sekali. Sebab berlaku pemberontakan kerana mereka mempunyai alasan syarak atau hujah syarak. Mazhab Maliki, enggan mentaati pemerintah yang telah dilantik oleh orang ramai walaupun dalam perkara-perkara yang tidak maksiat, ini berlaku dengan cara menghalang pemerintah dari menunaikan hak-hak Allah atau hak-hak hamba dan dari segi bahasa ialah orang yang berbuat zalim dari segi syara' menentang ketua negara. Aziz Juned (2013)

### 3.9.1 Syarat dan Rukun Bughat

Sekumpulan orang Islam yang enggan mentaati undang-undang negara, mereka mempunyai kekuatan dengan wujudnya pemimpin mereka sendiri yang mengetuai sebarang tindakan menggunakan kekerasan, mestilah mempunyai sebab dan alasan mereka memberontak dan menentang dasar pemerintahan, pemberontakan itu berbentuk satu tindakan yang di luar kawalan dan dengan menggunakan kekuatan dan kekerasan, mestilah pemimpin yang ditentang adalah pemimpin Islam yang menjalankan undang-undang Islam secara sempurna dan mereka telah mengadakan kekacauan dan huru hara dalam negeri. Rosli Mokhtar & Mohd Fakhri (2008)

### 3.9.2 Hukuman jenayah Bughat

Kadar hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah Ta'ala termasuklah hukuman kepada jenayah memberontak (bughat). Allah Ta'ala memerintahkan memerangi pemberontak. Jika syarat sebagai pemberontak telah cukup, maka mereka wajiblah diperangi. Tetapi tujuan memerangi mereka bukanlah untuk membunuh, tetapi ialah untuk menolak dan menghapuskan kejahatan mereka. Menurut PKHJS 2013, hukumannya ialah wajib memerangi pemberontak bukanlah untuk membunuh tetapi untuk menolak dan menghapuskan kejahatan mereka.

**Jadual 1: Perbezaan Rukun Dan Syarat Menurut Fuqaha Dan PKHJS 2013**

Rukun dan Syarat Jenayah Hudud Menurut Fuqaha		Rukun dan Syarat Jenayah Hudud Menurut PKHJS 2013	
1	<b>Zina</b> -Persetubuhan yang diharamkan -Senghaja di dalam perbuatan zina	1	<b>Zina</b> Senghaja Saksi yang adil Iqrar pesalah
2	<b>Qadzaf</b> Orang yang menuduh: berakal, baligh, kemahuan sendiri, mengetahui haramnya hukum Qadzaf dan bukan ibu bapa dan datuk kepada orang yang dituduh.	2	<b>Qadzaf</b> Islam, Mukallaf Seorang yang muhsan.

	Orang yang dituduh: islam, berakal, baligh, merdeka, diketahui sentiasa menajaga dirinya daripada sebarang perkara keji		
3	<b>Syrub Al-Khamr</b> Hendaklah baligh, berakal, meminum secara suka rela meminum setelah mengetahui pengharaman oleh ajaran Islam, mengetahui apa yang di minum itu memabukkan dan meminum arak dalam keadaan rela dan bukan bukan disebabkan terpaksa.	3	<b>Syrub Al- Khamr</b> Berakal, baligh, Islam, suka rela, minum bukan kerana terdesak, hendaklah ia tahu yang diminumnya adalah haram dan tahu yang diminum itu ialah arak.
4	<b>Sariqah</b> Pengambilan barang: secara sembunyi iaitu tanpa keizinan, diambil secara sempurna. Syarat barang yang dicuri: mempunyai nilai dan dikira barang berharga mengikut keadaan semasa, harta tersebut di bawah jagaan pemiliknya, mestilah mencukupi jumlah tertentu yang dipanggil nisab iaitu ¼ dinar emas, mestilah bukan milik pencuri, mestilah barangan yang berharga dalam pemilikan dan diiktiraf sebagai harta peribadi. Syarat berkaitan pencuri: pencuri yang baligh dan berakal, bertujuan mencuri harta dengan sengaja, barang yang dicuri kepunyaan orang lain bertujuan untuk dimiliki sebagai barangan peribadinya, dilakukan dengan rela hati dan pencuri bukanlah orang dibenarkan untuk memasuki tempat barang yang disimpan.	4	<b>Sariqah</b> Mukallaf, harta tidak di bawah jagaan pemiliknya, mempunyai nilai, dilakukan secara suka rela tidak ada paksaan.
5	<b>Hirabah</b> Secara terang-terangan, menggunakan paksaan serta kekerasan semasa mengambil harta tersebut, menggunakan senjata, dilakukan di luar bandar atau luar kawasan kediaman. Seorang yang berakal, pesalah dapat ditangkap sebelum mereka bertaubat dan meninggalkan amalan merompak dan menyamun dan tujuan mereka hendak melakukan rampasan harta benda orang lain serta pencerobohan bagi tujuan merompak	5	<b>Hirabah</b> Melalui iqrar (pengakuan bersalah), Syahadah (keterangan saksi)
6	<b>Bughat</b> Enggan mentaati undang-undang negara, mempunyai kekuatan dengan wujudnya pemimpin mereka sendiri, menggunakan kekerasan, mempunyai sebab dan alasan mereka memberontak dan menentang dasar pemerintahan, tindakan yang di luar kawalan dan dengan menggunakan kekuatan dan kekerasan, mestilah	6	<b>Bughat</b> Mempunyai kekuatan, Ta'wil, Ketua.

	<p>pemimpin ynag ditentang adalah pemimpin Islam yang menjalankan undang-undang Islam secara sempurna dan mereka telah mengadakan kekacauan dan huru hara dalam negeri</p>		
--	--	--	--

### 3.10 Analisis

Di dalam **Jadual 1**, telah menunjukkan perbezaan diantara pendapat fuqaha dan PKHJS 2013, secara keseluruhannya, menurut fuqaha mengenai syarat jenayah Hudud telah menjelaskan dengan lebih terperinci khususnya dalam menerangkan syarat-syarat bagi setiap jenayah Hudud, manakala berbeza dengan PKHJS 2013, hanya lebih banyak menjelaskan syarat secara ringkas dan lebih banyak mengenai hukuman bagi setiap jenayah Hudud. Jenayah *Syurb Al-Khamr*, *Bughat* dan *Sariqah*, ketiga jenayah Hudud ini memiliki syarat-syarat yang sama diantara ketiganya iaitu ada kesamaan diantara pendapat fuqaha dan PKHJS 2013. Manakala jenayah *Zina*, *Hirabah*, *Irtidad*, *Qadzaf* tidak mengandungi kesamaan dan ada perbezaan dari segi syaratnya kerana PKHJS 2013 membincangkan syarat-syarat tersebut dengan ringkas sahaja.

### 3.11 Kesimpulan

Hukuman Hudud ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai panduan kepada para pemerintah di negara Islam dalam menyelesaikan kes-kes yang melibatkan jenayah Hudud. Setiap hukuman yang hendak dijalankan terhadap sesuatu kesalahan perlulah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Banyak karya telah dihasilkan tentang hukum Hudud yang merangkumi buku dan jurnal ilmiah. Tidak ketinggalan juga kajian-kajian yang dihasilkan oleh para tenaga akademik daripada pelbagai negeri. Dalam kertas kerja ini pengkaji menggunakan pendekatan dan kaedah yang memberi kefahaman terhadap proses penyelidikan yang akan dilaksanakan.

### Rujukan

- Al-Quran Al-Karim Surah al-Maidah, 5:33  
 Dr. Mat Saad Abd. Rahman. 1993. *Undang-undang Jenayah Islam Jenayah Hudud*. Shah Alam: Penerbit Hizbi, Shah lam.  
 Dr. Mat Saat Abd Rahman. 1989. *Undang-undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*. Malaysia: Penerbitan Hizbi.  
 Dato Dr. Haji Mohd. Amin Abdul Rahim. 2009. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Haron Din. 2013. *Hukum Hudud Dalam Perundangan Islam*. Malaysia: PSN Publications.  
 Dr. Mahfodz Mohamad. 1985. *Jinayah Dalam Islam: Satu Kajian Mengenai Hukum-Hukum Hudud*. Malaysia: Nurin Enterprise.  
 Haji Sa'id Haji Ibrahim. 1996. *Qanun Jinayah Syar'iyah dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran Dan Hadith*. Malaysia: Darul Ma'rifah.  
 Mohamed S. El-Awa. 1999. *Hukuman Dalam Undang-undang Islam*. Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.  
 Md Som Sujimon. 2009. *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas Dan Kekeluargaan Di Zaman Al-Khulafa' Al-Rashidin*. Malaysia: IIUM Press.  
 Muhammad 'Ata Alsid Sidahmad. 1995. *The Hudud*. Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.

- Mohamed Hashim Kamali. 2002. *Hukuman Dalam Undang-undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu*. Malaysia: Ilmiah Publication Sdn. Bhd.
- Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned. 2013. *Qanun Jenayah Syari'ah Satu Pengenalan*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri.
- Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned. 2013. *The Shari'ah Penal Code an Introduction*. Negara Brunei Darussalam: State Mufti's Office, Prime Minister's Office.
- Paizah Haji Ismail. 2008. *Hudud: Hukum & Perlaksanaan*. Malaysia: Alaf 21.
- Paizah Haji Ismail. 1991. *Undang-undang Jenayah Islam*. Malaysia: Dewan Pustaka Islam
- Prof. Dr. Jimly Asshiddiqie & Dr. Daud Rasyid. 2003. *Membumikan Hukum Pidana Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj. Ismail. 2008. *Hudud Hukum & Perlaksanaan*. Malaysia: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain. 2008. *Undang-undang Jenayah Islam*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Zulkifly Bin Musa. 2010. *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*. Malaysia: Penerbit UMT.

#### Prosiding

- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Anwar Fakhri Omar, Mohammad Zaini Yahaya, Muhammad Adib Samsudin & Mohd Al Adib Samuri. 2015. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015*. Indonesia: Jabatan Syariah.